

PM yakin kemampuan pemimpin pelapis

BH 12 JUL 2000

Oleh Wan Hazmir Bakar

KUALA LUMPUR, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yakin Malaysia akan kekal stabil dan terus membangun walaupun tanpa pimpinan beliau kerana kerajaan sedang meletakkan barisan pemimpin pelapis yang diperlukan.

Dengan kepemimpinan baru itu, katanya, beliau tidak fikir keadaan politik dan ekonomi negara ini akan bergolak seperti yang sering diramal oleh pihak asing.

"Kita sedang menyediakan kepemimpinan yang perlu di setiap bahagian bagi memastikan negara dan rakyat kekal stabil,"

katanya mengulas satu laporan yang meramalkan ketidakstabilan di Malaysia selepas era beliau nanti.

Ruangan Intelligence majalah *Far Eastern Economic Review* (FEER) keluaran terbaru melaporkan, ramalan itu dibuat oleh persidangan memabitkan Agensi Perisikan Pusat (CIA), Jabatan Negara dan Jabatan Pertahanan Amerika Syarikat pada 22 Jun lalu.

Selain menjangka ketidakstabilan politik termasuk persengketaan dalam Umno selepas Dr Mahathir melepaskan jawatan, panel persidangan itu juga meramalkan krisis baru eko-

nomi dalam tempoh tiga hingga lima tahun.

Perdana Menteri berkata, ramalan persidangan itu adalah sesuatu yang mereka ingin lihat berlaku kepada Malaysia. Pihak berkenaan tidak senang melihat negara lain stabil dan mencuba sedaya upaya untuk menggugat kestabilan itu.

"Saya fikir itulah yang mereka jangkakan, yang mereka mahukan kerana mana-mana negara yang stabil, mereka akan cuba menggugat kestabilan dan melihat rakyat bergaduh sesama sendiri.

"Kemudian mereka akan kata kita tidak tahu men-

tadbir negara sendiri," katanya kepada pemberita selepas melancarkan konvensyen dan pameran ke-100 struktur Malaysia, di sini hari ini.

Ditanya mengenai satu lagi ramalan persidangan itu yang menjangka kembalinya bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim dalam politik Malaysia, Dr Mahathir berkata: "Saya tidak tahu, saya rasa mereka lebih mengetahui sesuatu daripada saya."

Mengenai ramalan ekonomi Malaysia tidak stabil pada tahun-tahun akan datang kerana langkah kerajaan menyelamatkan sya-

rikat tertentu ketika kemerosotan ekonomi baru-baru ini, Perdana Menteri berkata negara mereka sendiri menggunakan wang untuk menyelamatkan syarikat mereka sehingga syarikat itu boleh maju.

"Seperti perbadanan motor mereka, ia sudah jatuh, mereka menyelamatkan-nya. LTCM (Dana Pengurusan Modal Jangka Panjang) menjadi bankrap, mereka menyelamatkannya.

"Dan mereka berkata tindakan itu adalah baik untuk negara mereka. Jadi ia pastinya baik untuk kita kerana kita hanya mencon- tohi mereka," katanya.